

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN ALBUM " THE BOLSHOI BALLET THEATRE ORCHESTRA OF TASHKENT PRESENTS TAN SRI P. RAMLEE "
Lokasi : HOTEL SHERATON IMPERIAL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 19-08-1998

Syukur saya kepada Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama dalam majlis ini. Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis pelancaran album "The Bolshoi Ballet Theatre Orchestra of Tashkent Presents Tan Sri P. Ramlee" ini.

2. Sesungguhnya majlis ini sungguh besar ertinya kerana pagi ini kita bersama-sama mengimbas kembali kegemilangan seni muzik tanahair iaitu era ketika teguhnya perjuangan seniman agung negara Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

3. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Kumpulan Renong kerana telah menghasilkan sebuah album yang unik dan merupakan julung kali lagu-lagu karya Tan Sri P. Ramlee dipersembahkan oleh sebuah orkestra seperti "The Bolshoi Ballet Theatre Orchestra" dari Tashkent, Republik Uzbekistan. Ini bukan sahaja dapat menghidupkan semula lagu-lagu beliau malah dapat menyemarakkan lagi minat terhadap hasil karya beliau.

4. Saya juga berterima kasih diatas ehsan Kumpulan Renong untuk menyumbangkan keuntungan dari jualan album ini kepada Tabung Kebajikan Bakti. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang kurang bernasib baik.

5. Di negara kita, apabila kita sebut sahaja tentang seni, khususnya seni persembahan, nama yang timbul pastinya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Beliau merupakan anak seni tempatan yang tiada tolok bandingannya sehingga hari ini. Peninggalan seni beliau adalah khazanah negara yang perlu dipelihara dan dijaga. Beliau adalah seniman agung negara yang sama layak digelar komposer, pemuzik, penyanyi, pelakon, pengarah, pelawak dan pejuang seni.

6. Tan Sri P. Ramlee berjaya mengharumkan nama negara di peringkat Asia dalam tahun lima puluhan dan enam puluhan. Filem-filem beliau seperti Anakku Sazali dan Ibu Mertuaku mempunyai mesej teladan dan bernas manakala filem-filem seperti Antara Dua Darjat dan Penarik Beca di samping menghiburkan, turut diselitkan dengan unsur-unsur politik. Di samping itu, filem- filem jenaka seperti Pendekar Bujang Lapuk, Laksamana Do Re Mi, semuanya terus mencuit hati penonton hingga ke hari ini.

7. Tahun ini genaplah 25 tahun pulangnya Allahyarham ke rahmatullah. Sempena itu, album kompilasi lagu-lagu beliau dipersembah dan dirakamkan oleh "The Bolshoi Ballet Theatre Orchestra" dari Tashkent, Republik Uzbekistan diterbitkan.

8. Saya rasa gembira kerana oskestra ini telah berjaya menjiwai hasil karya Tan Sri P. Ramlee. Ini jelas membuktikan bahawa irama gubahan beliau mempunyai ciri-ciri universal. Meskipun dialunkan secara instrumental, mesej atau suasana yang ingin diwujudkan oleh seniman tersebut menepati sasaran.

9. Malaysia dan Uzbekistan, sebenarnya banyak persamaan. Republik ini juga adalah sebuah negara Islam yang baru mencapai kemerdekaan setelah sekian lama dibelenggu oleh pemerintahan Komunis. Pada September ini, Uzbekistan akan menyambut ulangtahun kemerdekaannya yang ke-tujuh. Usahasama sebegini diharapkan dapat membantu mengeratkan lagi pertalian yang sedia ada dengan menggunakan jalinan seni.

10. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Kumpulan Renong kerana inisiatifnya untuk mengilhamkan album ini di samping berbakti kepada masyarakat dengan menyumbangkan hasil keuntungan album ini kepada Tabung Kebajikan Bakti. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada EMI kerana usaha gigih mereka mempromosikan album ini.

11. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan upacara pelancaran album "The Bolshoi Ballet Theatre Orchestra of Tashkent Presents Tan Sri P.Ramlee ini".